

Azab di penja

Kosmo

28/9/2011

Oleh ATIKAH MOHD. DALI

atikah.mohddali@kosmo.com.my

SUBANG JAYA – Tiga lelaki hanya mampu mengalirkan air mata dan meluahkan kesyukuran sebaik mereka diselamatkan dari kurungan di sebuah bilik sebesar bilik tandas di Jalan PBS 14/2, Serdang Raya di sini semalam.

Mereka yang berusia 29 hingga 45 tahun itu dikatakan mula dikurung di situ sejak awal April lalu dan diseksa bagaikan ‘tawanan perang’ oleh sindiket ah long.

Menambahkan lagi penderaan, ah long terbabit hanya memberi se-buku roti kepada setiap mangsa dalam tempoh dua minggu sekali.

Kesemua mangsa juga hanya diberi minum air paip.

Selain itu, mangsa-mangsa yang berasal dari Kajang, Gombak dan Segamat, Johor itu turut dirotan sekiranya mereka membuat bising ketika berada dalam kurungan tersebut.

Sebaik diselamatkan, mangsa-mangsa itu terpaksa dipapah keluar selepas mereka tidak mampu berjalan sendiri akibat sakit seluruh

badan kerana dipukul.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah berkata, mangsa-mangsa diselamatkan selepas polis menahan dua lelaki dipercayai ah long pada pukul 11 pagi di hadapan sebuah bank di Desa Jaya, Kepong semalam.

“Selepas soal siasat terhadap kedua-dua suspek berusia 30 dan 33 tahun, kita telah menyerbu tingkat bawah sebuah rumah kedai di Serdang Raya,” kata beliau ketika ditemui di lokasi kejadian.

Menurut beliau, dalam serbuan pada pukul 2.30 petang, badan ketiga-tiga mangsa itu diikat dengan rantai dan ditempatkan di dalam dua buah bilik kecil bersaiz tandas.


Satu bilik tersebut di kurung seorang mangsa manakala satu bilik lagi ada dua mangsa dikurung sekali.

Katanya, rumah kedai tersebut telah diubah suai dengan menempatkan dua bilik kurungan berukuran 1.2 X 1.2 meter dan 1.2 X 1.8 meter dan setiap bilik itu dipisahkan oleh dinding konkrit.

Rahim memberitahu, ketiga-tiga mangsa itu akan melakukan kegiatan

009 P. 6

Para ah long



PREMIS di tingkat bawah inilah yang dijadikan bilik kurungan oleh ah long.

tan rutin seperti makan, minum, tidur dan membuang air besar di dalam bilik kecil tersebut sehingga hutang tertunggak mereka telah dijelaskan oleh ahli keluarga masing-masing.

Jelas beliau, ketika ditemui ketiga-tiga mangsa itu tidak bermaya dan paling menyedihkan apabila mereka mempunyai kesan lebam di seluruh badan.

“Selain tangan dan kaki terikat, badan ketiga-tiga mangsa turut dirantai,” katanya dengan menyifatkan sindiket ah long itu sangat kejam.

Mengulas lanjut, Rahim memberitahu, kegiatan ah long tersebut sukar dikesan oleh penghuni yang menyewa di bangunan lima tingkat di situ kerana sindiket tersebut terlalu berhati-hati menyembunyikan kegiatan mereka.

Katanya, salah seorang isteri kepada mangsa yang diselamatkan ada membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak pada minggu lalu mengenai kehilangan suaminya pada 10 Mei.

“Kita semasa itu tidak ada petunjuk mengenai kehilangan suami wanita itu dengan sindiket ah long yang telah mengurung mangsa,” katanya.



DUA lelaki yang dikurung ah long dalam sebuah bilik kurungan di Serdang Raya semalam.

Jelasnya, siasatan pada peringkat ini mendapati ketiga-tiga mangsa itu telah berhutang antara RM1,500

hingga RM4,000 dengan sindiket ah long tersebut.

Kata Rahim, kesemua mangsa dapat dikeluarkan dari kurungan itu selepas bomba dan penyelamat memecah pintu premis dan dua bilik kurungan tersebut.

“Bomba mengambil masa lebih satu jam bagi mengumpul kedua-dua pintu bilik kurungan dan membuka rantai pada badan ketiga-tiga mangsa tersebut,” katanya.

Mangsa pertama dibawa keluar pada pukul 6.30 petang dan mangsa terakhir pula dibawa keluar 25 minit kemudian.

Ketiga-tiga mangsa kemudian dihantar ke Hospital Serdang untuk dirawat.

Kedua-dua suspek yang ditahan direman bagi membantu polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 342 dan 384 Kanun Keseksan iaitu mengurung secara salah serta melakukan peras ugut.

Tambah Rahim, polis akan menyiasat kemungkinan sindiket ah long itu pernah mengurung ramai lagi mangsanya sebelum ini.

“Kita mohon sesiapa yang pernah menjadi mangsa kurung sindiket itu tampil membuat laporan polis,” katanya.